

# MAJLIS PELANCARAN UniMAP



**DYMM Tuanku Raja Perlis antara lain melahirkan rasa bangga serta berpuas hati dengan apa yang dicapai oleh UniMAP...**

**Majlis** yang penuh gilang gemilang dan warna warni ini telah diadakan di Dewan Warisan, Kangar pada 7 Februari 2007 lalu yang mana perasmian pelancarannya telah disempurnakan oleh DYMM Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail. DYMM Tuanku Raja Perempuan Perlis, DYTU Tuanku Canselor dan DYTU Tuanku Raja Puan Muda Perlis juga turut berkenan bercemar duli berangkat ke majlis ini. Ia merupakan satu lagi detik yang amat bersejarah bagi Universiti ini kerana dengan rasminya pada malam tersebut nama Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) telah bertukar ke nama baru iaitu Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). Pertukaran nama ini melalui penjenamaan semula telah meningkatkan lagi imej Universiti ini di samping menaikkan identity negeri Perlis di mana ia bertapak.

Ketika bertitah di majlis itu, DYMM Tuanku Raja Perlis antara lain melahirkan rasa bangga serta berpuas hati dengan apa yang dicapai oleh UniMAP selama ini sekaligus mengharumkan nama negeri Perlis. Di samping itu, baginda berharap pihak luar terutamanya Kerajaan Negeri agar dapat membantu dan memberi kerjasama sepenuhnya kepada pembangunan Universiti ini.



Baginda juga meminta para pelajar agar terus memegang amanah ibubapa dengan menumpukan kepada pengajian melalui bidang yang dipilih dan menjadikannya sebagai untuk masa hadapan mereka. Setiap pelajar juga diminta menjalinkan hubungan harmoni di antara satu sama lain tanpa memilih kaum atau keturunan di sepanjang mereka berada di kampus pengajian.

Selain dari titah ucapan perasmian pelancaran, pada majlis ini juga DYMM Tuanku Raja Perlis telah menyempurnakan simbolik pelancaran di mana baginda telah meletakan arca logo UniMAP ke tempat putarannya. Majlis ini telah disertai lagi dengan persembahan kebudayaan oleh para pelajar dan staf UniMAP. Turut membuat persembahan ialah artis jemputan iaitu Salwa Abdul Rahman dan Nasir Wahab.

Hadir sama ke Majlis Pelancaran UniMAP ini ialah YAB Menteri Besar Perlis, Dato' Seri Dr. Shahidan Kassim dan isteri, Datin Seri Shamsiah Mohd. Yassin, Pengerusi Lembaga Pengarah UniMAP, Tan Sri Dr. Syed Jalaludin Syed Salim dan isteri, Naib Canselor UniMAP, Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin dan isteri, pemimpin-pemimpin negeri, Pegawai-pegawai Utama Universiti serta warga UniMAP.

***Setiap pelajar juga diminta menjalinkan hubungan harmoni di antara satu sama lain tanpa memilih kaum atau keturunan...***

